

UMS komited kaji komuniti Bajau Laut

NSP 11-2-2014 10
OLEH JAINUDIN DJIMIN
(jainudin@newsabahtimes.com.my)

ISU dan persoalan berhubung keberadaan dan status kerakyatan suku kaum Bajau Laut masih lagi menjadi antara agenda besar kepada kerajaan Sabah dan Persekutuan dalam menangani isu pendatang tanpa izin dan kerakyatan di negeri ini.

Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof. Madya Dr. Ismail Ali (gambar) berkata isu dan persoalan ini menjadi bertambah rumit untuk diselesaikan apabila suku kaum Bajau Laut ini pada prinsip perundangan tidak dikategorikan sebagai pendatang tanpa izin tetapi sebaliknya dikategorikan sebagai "orang tanpa negara" (stateless people) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Beliau yang banyak membuat penelitian terhadap Bajau Laut di Kepulauan Asia Tenggara berkata, terdapat pelbagai kajian dan penulisan dalam pelbagai disiplin ilmu telah dijalankan dan diterbitkan oleh para penyelidik UMS berhubung komuniti Bajau Laut di Sabah.

"Walaupun bagaimanapun, penulisan tersebut nampaknya jarang dibaca oleh umum disebabkan penelitian dan penulisannya yang terlalu bersifat akademik berbanding lain-lain penerbitan popular yang terdapat di pasaran," katanya dalam satu wawancara khas di pejabatnya di UMS Kampus Antarabangsa Labuan, baru-baru ini.

Ismail menyatakan perkara ini sebagai reaksi positif UMS berhubung saranan Naib Presiden Persatuan Kebajikan dan Pendidikan Kadazandusun Murut Sabah (PEKADIN), Luis Lidong yang mengesyorkan agar UMS membuat kajian lebih mendalam terhadap komuniti Bajau Laut di Sabah.

Beliau memperakui sehingga kini belum ada lagi satu bincangan secara terperinci dijalankan untuk menentukan bilangan sebenar komuniti Bajau Laut terutamanya yang tinggal di dalam bot dan berkelana di kawasan perairan Sabah.

Katanya, berdasarkan kepada data yang dikeluarkan oleh UNCHR, terdapat kira-kira 12 juta orang di seluruh dunia yang dikategorikan sebagai stateless people. Untuk tujuan ini, PBB telah memberi mandat kepada UNCHR untuk menangani isu dan persoalan orang tanpa Negara ini melalui Convention on the Reduction of Statelessness 1961.

Pada prinsipnya, perkataan stateless merupakan *legal and social concept of a person lacking belonging (or a legally enforceable claim) to any recognised state and is not always the same as lack of citizenship dan perkataan stateless adalah merujuk kepada the condition of an individual who is not considered as a national by any state.*

Terdapat beberapa sebab berlakunya keadaan ini seperti diskriminasi terhadap golongan minoriti, kegagalan memasukkan sesetengah orang apabila sesebuah negara mencapai kemerdekaan, konflik perundangan antara negara dan sebagainya.

Dari segi perundangan, seseorang individu boleh menjadi stateless dalam dua cara iaitu secara de jure iaitu apabila there exists no recognised state in respect of which the subject has a legally meritorious basis to claim nationality dan De Facto iaitu apabila the subject may have a legally meritorious claim but is precluded from asserting it because of practical considerations such as cost, circumstances of civil disorder, or the fear of persecution.

Menurut Ismail lagi, Bajau Laut yang juga dikenali dengan pelbagai gelaran seperti sea gypsies, sea-nomad, nomadic boat people, Pala'u, Orang Laut dan lain-lain lagi merupakan salah satu suku dalam keluarga besar suku kaum Bajau yang cukup unik dalam sejarah peradaban maritim di Sabah.

Dari segi sejarah asal-usul kaum Bajau Laut ini nampaknya masih lagi kabur dan memerlukan penelitian semula. Dalam erti kata lain, sejarah asal usul dan kehadiran kaum Bajau Laut di Sabah nampaknya hanya "ditumpangkan" dalam sejarah besar suku kaum Bajau sahaja lantas menimbulkan beberapa isu dan persoalan yang perlu diberi perhatian dan diselesaikan oleh kerajaan.

Antaranya termasuklah apakah status sebenar kaum ini dalam sebuah negeri yang berdaulat, apakah wajar kaum Bajau Laut ini diberikan sahaja status rakyat Sabah berdasarkan kepada faktor sejarah, apakah kaum ini perlu dihantar pulang sahaja secara paksaan ke negara asal, apakah nasib dan masa depan mereka dan apakah impaknya keberadaan kaum ini kepada keselamatan dan kesejahteraan negeri Sabah.

Walaupun pada prinsipnya setiap negara dikehendaki memberikan hak sama rata kepada mana-mana individu sepertimana yang termaktub dalam Konvensyen PBB berhubung "Stateless People", namun sehingga kini kerajaan Malaysia belum lagi meraktifikasi piagam tersebut dan berhak untuk tidak menerima mana-mana individu yang tidak bernegara masuk ke dalam wilayahnya.

Bertitik tolak dari senario ini, maka dapatlah dikatakan bahawa kaum Bajau Laut yang tidak memiliki kad pengenalan ini akan terus dilabelkan sebagai orang tanpa negara dan boleh diambil tindakan dari perspektif perundangan.

Pada masa kini, keberadaan kaum Bajau Laut di Sabah



nampaknya belum lagi dipandang sebagai satu masalah besar kepada kerajaan Sabah berbanding isu pendatang tanpa izin dan pelarian politik.

Pada hari ini, kaum Bajau Laut boleh didapati di beberapa kawasan perairan dan pulau-pulau kecil di Sabah seperti di Semporna, Kunak, Lahad Datu, Sandakan dan Kudat. Hasil daripada beberapa kajian yang dijalankan oleh Ismail mendapati pola petempatan Bajau Laut ini dapat dibahagikan kepada empat kategori iaitu petempatan di tanah besar dengan membina rumah di atas air di pesisiran pantai (kampung air), petempatan di atas laut, petempatan di tepi pantai daratan-pulau dan petempatan di dalam bot dan hidup secara berpindah randah atau nomad.

"Bagi Bajau Laut yang tinggal di dalam bot menyatakan bahawa mereka lebih suka tinggal di dalam bot dan akan merasa pening dan jatuh sakit sekiranya berada terlalu lama di daratan," katanya.

Dari segi ekonominya, majoriti kaum Bajau Laut pada hari ini masih lagi meneruskan warisan ekonomi tradisi nenek moyang mereka menjalankan ekonomi berasaskan laut. Biasanya, mereka akan menangkap dan mendaratkan pelbagai spesies ikan termasuk ikan yu, kima, trepang (sea-cucumber), sotong dan ketam untuk dijadikan makanan dan dijual kepada "tauke" yang menaja aktiviti perikanan mereka dan pusat-pusat peranginan seperti di Pulau Mabul dalam bentuk segar dan diproses (trepang kering, sirip ikan yu kering, ikan kering dan ikan masin).

Menurut Ismail lagi, sebelum tahun 80-an, nelayan Bajau Laut ini hanya menukarkan hasil-hasil laut mereka dengan peniaga untuk mendapatkan barangan keperluan harian mereka sahaja seperti ubi kayu (putu), buah pisang, gula, garam, pakaian, minyak masak dan lain-lain lagi. Namun pada hari ini, semua urusan ini nampaknya telah berubah iaitu menggunakan wang ringgit untuk membolehkan mereka membeli keperluan lain yang tidak dapat dilakukan secara tukar barang seperti minyak bot, perkakasan bot, perkakas menangkap ikan dan sebagainya.

Dari segi sosialnya, hubungan antara kaum Bajau Laut yang tinggal di dalam bot dan tepi pantai di pulau dengan lain-lain suku kaum di daratan dan pulau nampaknya agak dingin dan terbatas. Sikap dan tingkahlaku mereka ini dapat diterjemahkan apabila sentiasa mengelak untuk bertembung dengan orang luar dan lebih suka hidup dalam kelompok mereka sahaja. Berdasarkan kepada beberapa siri kajian yang dijalankan mendapati bot yang dikenali sebagai tempel merupakan centre of life kepada Bajau Laut ini. Dalam erti kata lain, bermula dari kelahiran, membesar, mencari nafkah, makan minum, tidur, beranak-pinak, berkahwin dan sebagainya hinggalah kematian semuanya berpaksikan bot dan hanya akan naik ke darat (pantai) untuk mengambil air minuman, membaiki perahu (bogo), menjual hasil-hasil laut mereka dan mengkebumikan mayat keluarga mereka sahaja.

Sehingga kini, kaum Bajau Laut yang tinggal di dalam bot ini masih lagi tidak menganut sebarang agama (pagan) dan masih berpegang kepada kepercayaan animisme. Apabila berlakunya kematian, tiada apa-apa upacara diadakan melainkan memakaikan si mati dengan baju yang ada dan mengkebumikan si mati di pulau yang berhampiran dengan meletakkan kayu nisan sahaja sebagai tanda. Mereka juga tidak fasih bertutur bahasa Melayu dan hanya bertutur dalam bahasa Bajau Laut sahaja.

Dari aspek keketurunan pula, kaum Bajau Laut yang

menetap di dalam bot hanya akan berkahwin sesama mereka sahaja iaitu antara satu bot dengan bot yang lain. Dari aspek pendidikan pula, boleh dikatakan kesemua kanak-kanak Bajau Laut ini tidak pernah bersekolah kerana tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri seperti yang disyaratkan oleh Jabatan Pelajaran Sabah. Biasanya, kanak-kanak Bajau Laut ini hanya akan menghabiskan usia kanak-kanak mereka di dalam bot, bermain-main di tepi pantai sahaja.

Dari segi keselamatan pula, Ismail bersetuju dengan pandangan PEKADIN bahawa keberadaan komuniti ini di kawasan perairan Sabah boleh dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu untuk mengancam kesejahteraan negeri Sabah. Dengan menggunakan peribahasa "ditelan mati emak, diluahkan mati bapak", Ismail berkata satu pendekatan yang komprehensif yakni mengambilkira semua aspek pencekungan, perundangan, ekonomi kelautan, keselamatan dan kemanusiaan perlu dilakukan terhadap keberadaan komuniti Bajau Laut di Sabah.

Ismail juga turut menjelaskan bahawa kajian berhubung komuniti Bajau Laut oleh para penyelidik UMS akan bertambah mantap lagi dengan terbentuknya sebuah pusat yang dikenali sebagai Small Island Island Centre (SIRC) yang diilhamkan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah.

"Dengan tertubuhnya SIRC ini sudah pastinya akan memberi ruang yang lebih luas lagi kepada para penyelidik UMS untuk membuat kajian yang lebih terinci terhadap komuniti Bajau Laut pada masa hadapan," katanya.